

## Tahap Pengetahuan Pedagogi Pelajar Tahun Akhir, Fakulti Pendidikan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Yeo Kee Jiar & Siti Sara Hj Abdul Halim  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Pedagogi merupakan suatu komponen yang penting dalam program perguruan. Guru-guru pelatih perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pedagogi sebagai persediaan untuk menghadapi tugas dan tanggungjawab yang mencabar sebagai guru. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi dalam kalangan pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini melibatkan empat aspek, iaitu perancangan guru, pengurusan bilik darjah, pengujian dan penilaian serta kemahiran penyampaian. Responden kajian terdiri daripada 220 orang pelajar tahun akhir daripada semua program pengajian di Fakulti Pendidikan, UTM. Instrumen kajian ialah soal selidik yang terdapat dalam dua bahagian. Bahagian A menyentuh demografi manakala bahagian B pula mengandungi 40 item. Data terkumpul dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* untuk mencari frekuensi, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tahun akhir memaparkan tahap pengetahuan pedagogi yang tinggi.

**Abstract:** Pedagogy is an important component in teacher training programme. Trainees need to acquire knowledge and skills pertaining to pedagogy as preparation for them to face the challenging tasks and responsibilities as teachers. This study was carried out to identify the level of pedagogical knowledge among final year students in the Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Four aspects were involved in the study which includes teacher planning, classroom management, testing and evaluation, and delivery and presentation skill. Respondents of the study consist of 220 final year students from all courses at Faculty of Education, UTM. The research instrument was a set of questionnaire consists of two sections. Section A is about respondents' demography and section B consists of 40 item questionnaire. The data collected was analyzed by using Statistical Package for Social Science (SPSS) in order to obtain frequency, percentage and mean. Result of the research shows that pedagogical knowledge level for final year students in all the four aspects are high.

*Katakunci:* Pedagogi

### Pengenalan

Pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Shahabuddin, Dr. Rohizani, Mohd. Zohir, 2003). Ianya merupakan proses penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu dari seorang guru kepada seorang pelajar. Hasilnya adalah pembelajaran yang merupakan aktiviti mental, fizikal atau rohani kepada diri pelajar itu sendiri. Menurut Kamarudin, 1997, pembelajaran adalah suatu proses mengumpul maklumat secara berterusan dan ianya berlaku semenjak seseorang itu dilahirkan. Proses pembelajaran ini berlaku dalam dua bentuk iaitu secara formal dan tidak formal. Proses pembelajaran formal adalah melibatkan guru dan pelajar sebagai suatu aset yang penting. Manakala proses tidak formal pula adalah melalui keluarga, rakan dan sebagainya. Oleh kerana guru dan pelajar merupakan aset penting dalam proses pendidikan, keupayaan guru untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah sangat penting.

## **Pernyataan Masalah**

Menurut Faridah Karim (2000) dalam jurnal "*Strategizing Teaching and Learning in The 21<sup>ST</sup> Century*" menyatakan bahawa guru-guru mengalami kesukaran melaksanakan komponen-komponen kritikal dalam kurikulum. Guru-guru mengalami kesukaran dalam mempelbagaikan strategi pengajaran, melaksanakan aktiviti yang berpusatkan pelajar, menggunakan teknik-teknik tertentu untuk berinteraksi dengan pelajar, memberikan tugas kepada pelajar-pelajar, merancang bahan-bahan pengajaran dan bahan bantu mengajar serta sukar membuat penilaian isi kandungan mata pelajaran. Guru-guru juga dikatakan kurang berinovasi dalam menyampaikan pengajarannya. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

I. Guru kekurangan pengetahuan dan kemahiran mengajar. Ini disebabkan mereka tidak bersedia atau tidak dilatih dengan sebaik-baiknya.

II. Matlamat dan konsep inovasi dalam strategi pengajaran tidak jelas kepada mereka.

III. Guru kekurangan bahan dan sumber pengajaran yang sesuai untuk membina pengajarannya.

IV. Guru kekurangan motivasi disebabkan kurangnya galakan daripada pihak pentadbir.

V. Kekurangan koordinasi dan komunikasi di antara semua pihak yang terlibat dalam proses pelaksanaan inovasi dalam strategi pengajaran.

Untuk itu, pengetahuan pedagogi adalah amat penting untuk seorang guru. Ini kerana, mereka perlu menyampaikan pengajaran mereka mengikut langkah-langkah yang betul. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah adalah tidak sama seperti di universiti. Di sekolah, seorang guru perlu mengetahui cara yang pelbagai untuk mengajar kerana mereka perlu mendekati pelajar mereka dengan pelbagai cara agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Ilmu pedagogi telah menjadi satu mata pelajaran wajib yang diambil oleh pelajar yang mengikuti kursus dalam bidang perguruan. Sebagai bakal guru, mereka perlu menguasai ilmu pedagogi agar dapat menjadi guru yang baik dari pelbagai aspek seperti pengawalan bilik darjah, strategi pengajaran dan lain-lain.

Oleh itu, pengkaji ingin mengenal pasti pengetahuan pedagogi dari segi perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, pengujian dan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran dan kemahiran penyampaian yang dimiliki oleh pelajar tahun empat, Fakulti Pendidikan agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran secara baik dan berkesan di sekolah kelak.

## **Objektif Kajian**

Penyelidik mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

i) Mengetahui tahap pengetahuan dari segi perancangan pengajaran pelajar tahun empat, Fakulti Pendidikan.

ii) Menentukan tahap pengetahuan dari segi pengurusan bilik darjah pelajar tahun empat, Fakulti Pendidikan.

iii) Mengetahui tahap pengetahuan pengujian dan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar tahun empat, Fakulti Pendidikan.

iv) Mengenal pasti kemahiran penyampaian pengajaran pelajar tahun empat, Fakulti Pendidikan.

### **Skop Kajian**

Aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah melibatkan tahap pengetahuan pedagogi di kalangan pelajar tahun empat (Perdana) yang diaplikasikan dalam mata pelajaran yang diambil. Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat menilai setakat mana pengetahuan pedagogi pelajar tahun empat (Perdana) setelah mengambil subjek pedagogi dan bagaimana mereka mengaplikasikannya semasa latihan mengajar yang lalu. Perkara ini dikaji adalah untuk melihat adakah pelajar tahun akhir (Perdana) ini sudah bersedia dari segi pengetahuan pedagogi yang mencukupi sebelum mereka meninggalkan universiti dan keluar bekerja. Pengetahuan pedagogi ini amat berguna kepada bakal guru agar mereka dapat menyampaikan ilmu pengetahuan yang mereka ada dengan pelbagai cara yang menarik.

### **Kepentingan Kajian**

Di antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i) Membantu pihak Fakulti Pendidikan bagi mendapatkan maklum balas berkaitan dengan tahap pengetahuan pedagogi pelajar tahun akhir agar dapat memperbaiki kelemahan yang wujud
- ii) Membantu dalam penyelidikan bagi meningkatkan prestasi dan kualiti pengurusan Fakulti Pendidikan bagi melahirkan guru-guru yang berpengetahuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mahir dalam bidang yang mereka ceburi.

### **Metodologi**

#### **Populasi dan Responden Kajian**

Populasi merupakan dari manakah penyelidik mendapatkan data atau maklumat berkenaan penyelidikan yang dijalankan (Mohamad Najib, 1999). Manakala responden yang terlibat dalam sesebuah kajian hendaklah mewakili keadaan sebenar keseluruhan populasi (Marshall, 1978). Populasi bagi kajian ini adalah pelajar Fakulti Pendidikan dan responden adalah seramai 220 orang pelajar tahun akhir (Perdana) Fakulti Pendidikan.

#### **Sampel Kajian**

Sampel adalah satu kumpulan subjek untuk mendapatkan data. Penggunaan sampel dapat menjimatkan masa, tenaga dan perbelanjaan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan tidak rawak bertujuan di mana penyelidik menentukan siapa sampel yang akan digunakan. Menurut Walter dan Meridith (1989), penyelidik digalakkan menggunakan saiz sampel yang melebihi 30 orang agar andaian taburan normal dipenuhi. Manakala menurut Mohd Najid (1999) pula, sampel sebanyak 30 peratus daripada populasi sudah mencukupi. Namun begitu, penyelidik lebih cenderung untuk memilih sampel berdasarkan Jadual Kierjje dan Morgan.

#### **Istrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah alat untuk mendapatkan data daripada sampel. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang merangkumi beberapa item berdasarkan objektif kajian. Menurut Jones (1973), soal selidik merupakan satu instrumen yang lazim digunakan dalam kajian deskriptif. Tuckman (1988) menyarankan kaedah soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama

daripada responden, mereka bebas memilih dan menyuarakan pandangan, penilaian mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan untuk menjawab.

Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik adalah kerana ianya memudahkan penyelidik untuk mendapatkan data mentah daripada responden untuk dianalisis. Untuk memastikan kebolehpercayaan item-item soal selidik, penyelidik telah menggunakan kaedah kajian rintis sebelum menjalankan kajian sebenar.

Soal selidik yang disediakan oleh pengkaji terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Pada bahagian A, responden dikehendaki menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan demografi responden. Skala Likert yang telah diubahsuai pula digunakan pada bahagian B. Responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan.

Bahagian A : mengenai demografi responden seperti jantina, kursus, bangsa dan pengkhususan kursus yang diikuti oleh responden.

Bahagian B : bahagian ini mempunyai 40 soalan bagi mendapatkan dan mengenal pasti objektif kajian. Pecahan item terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

- 1) Perancangan pengajaran
- 2) Pengurusan bilik darjah
- 3) Pengujian dan penilaian dalam bilik darjah
- 4) Kemahiran penyampaian pengajaran

Penyelidik menyediakan item-item soalan dengan menggunakan Skala Likert untuk memperoleh jawapan daripada responden. Skala Likert ini telah diubah sedikit mengikut kesesuaian yang hendak dijalankan oleh penyelidik. Ianya terdiri daripada pemberat yang berlainan iaitu sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Dapatan yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS bagi mendapatkan nilai frekuensi, min dan peratusan. Bagi setiap aspek yang dikaji, frekuensi, peratus dan min dikira bagi mengenal pasti objektif kajian.

### **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas sampel, penyelidikan terlebih dahulu melaksanakan kajian rintis ke atas 10 orang sampel yang daripada populasi kajian. Ini bertujuan untuk mengetahui kebolehpercayaan item-item yang dibina oleh penyelidik yang akan digunakan dalam soal selidik kelak. Ia juga merupakan kaedah biasa yang digunakan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat pada soal selidik. Menurut Zainuddin dan Kya (2003), tujuan kajian rintis adalah untuk memastikan masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh penyelidik semasa menjalankan tinjauan sebenar. Melalui kajian rintis, kelemahan yang dikenal pasti akan dibaiki untuk soal selidik yang sebenar.

Hasil kajian rintis yang dilakukan mendapati nilai Alpha Cronbach adalah 0.957 bagi kesemua 40 item yang diuji. Menurut Mohd Majid Konting (2004), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan. Selain itu, sesuatu alat ukuran dikatakan mempunyai keesahan kandungan yang tinggi sekiranya alat tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan (Mohd Majid Konting, 2004).

## Keputusan

### Analisis Data Bagi Tahap Penguasaan Pengetahuan Pelajar Dalam Perancangan Pengajaran

Jadual 1 di bawah menunjukkan hasil dapatan yang telah dianalisis. Bahagian ini bertujuan menjawab persoalan kajian “Apakah tahap penguasaan pengetahuan pelajar dalam perancangan pengajaran?”

**Jadual 1:** Analisis Frekuensi, Peratus dan Min Bagi Tahap Penguasaan Pengetahuan Pelajar Dalam Perancangan Pengajaran.

Bil.	Item-item	Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Min	Tahap
		f	%	f	%	f	%		
1	Penglibatan semua pelajar hendaklah perlu ketika melaksanakan aktiviti di dalam kelas.	2	0.9	2	0.9	216	98.1	4.51	Tinggi
2	Persediaan mengajar harian hendaklah disediakan sebelum masuk ke kelas.	-	-	3	1.4	217	98.6	4.58	Tinggi
3	Isi pembelajaran yang disediakan hendaklah mengandungi konsep dan kemahiran yang bersesuaian dengan tahap kognitif pelajar.	-	-	-	-	220	100	4.5	Tinggi
4	Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dapat meningkatkan pemahaman pelajar tentang sesuatu konsep.	-	-	3	1.4	217	98.6	4.55	Tinggi
5	Isi pengajaran hendaklah disusun dengan teratur agar penyampaian pelajaran mudah difahami oleh pelajar.	-	-	2	0.9	218	99.1	4.53	Tinggi
6	Perulisan objektif pengajaran hendaklah mengikut silibus mata pelajaran.	5	2.3	11	5.0	204	92.7	4.41	Tinggi
7	Alat bantu mengajar (ABM) yang digunakan perlu sesuai dengan objektif pengajaran.	1	0.5	4	1.8	215	97.8	4.49	Tinggi
8	Pada akhir setiap pengajaran, objektif yang dirancang hendaklah dapat dicapai.	8	3.6	21	9.5	191	86.9	4.23	Tinggi
9	Setiap sesi pengajaran perlulah diakhiri dengan penutup.	-	-	7	3.2	213	96.8	4.45	Tinggi
10	Aktiviti yang hendak dijalankan di dalam kelas hendaklah sesuai dengan objektif pembelajaran.	-	-	2	0.9	218	99.1	4.49	Tinggi
<b>Jumlah Min</b>								<b>4.474</b>	<b>Tinggi</b>

**Jadual 2:** Taburan Bilangan Responden Mengikut Tahap Untuk Perancangan Pengajaran

<b>Tahap</b>	<b>Bil</b>	<b>Peratus</b>
Sederhana	3	1.4
Tinggi	217	98.6
Jumlah	220	100.0

### **Perbincangan**

Menurut Burden dan Buryd (1999), perancangan pengajaran ialah proses membuat keputusan tentang pengelolaan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran untuk menghasilkan kesan positif kepada guru dan pelajar. Perancangan pengajaran yang baik akan memudahkan guru membuat persediaan dari pelbagai aspek seperti nota, persediaan mengajar harian, alat bantu mengajar (ABM) yang hendak digunakan dan sebagainya. Selain itu, perancangan pengajaran juga akan membantu guru menghasilkan pengajaran yang berkesan kerana telah membuat persediaan yang rapi dari mula lagi.

Di samping itu, perancangan pengajaran penting bagi seorang guru kerana melalui perancangan pengajaran ini mereka akan membuat perancangan tentang tajuk yang hendak diajar. Contohnya, seperti subjek kemahiran hidup, terdapat dua bahagian di dalam subjek itu sendiri iaitu bahagian teras dan pilihan. Bagi bahagian teras, semua pelajar akan belajar tajuk dan membuat amali yang sama. Kebiasaannya terdapat dua atau tiga pilihan kemahiran hidup di sekolah iaitu pertanian, ekonomi rumah tangga (ERT) dan kemahiran teknikal. Untuk itu, guru perlu membuat perancangan yang rapi agar pelajar-pelajar yang mengambil tiga pilihan yang berbeza ini tidak bertembung ketika amali untuk bahagian teras. Jika tidak, masalah kekurangan peralatan dan bahan akan berlaku.

Selain itu, menurut Cruickshank (1995), perancangan pengajaran ialah proses guru membuat keputusan tentang cara terbaik dalam memilih, menyusun pengalaman pembelajaran bagi memaksimumkan kepuasan, pencapaian guru dan pelajar. Ini kerana, melalui proses tersebut, guru dapat memberi maklumat dan ilmu yang bermanfaat kepada pelajar.

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan perancangan pengajaran pelajar tahun akhir (Perdana) berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.47. Untuk itu, pengajaran yang bakal disampaikan akan lebih teratur dan dapat disampaikan dengan berkesan kerana tahap pengetahuan yang tinggi dalam perancangan pengajaran. Selain itu, ini menunjukkan pelajar tahun akhir (Perdana) tahu untuk membuat perancangan pengajaran yang baik kerana perancangan pengajaran merupakan proses guru membuat keputusan dan merancang cara yang terbaik untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berkesan.

### **Rumusan**

Sebagai bakal guru, pelajar tahun akhir (Perdana) perlu bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin besar dalam bidang pendidikan. Ini kerana, pengalaman ketika latihan mengajar tidak cukup untuk membantu agar menjadi seorang guru yang berwibawa. Pengalaman dan juga pengetahuan perlu digabungkan agar menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta menerapkan nilai-nilai murni di dalam diri pelajar.

Salah satu perkara yang dapat membantu menjadikan pelajar tahun akhir (Perdana) sebagai bakal guru yang berkeyakinan adalah dengan mendalami pengetahuan pedagogi kerana ianya merangkumi pelbagai aspek.

Selain itu, penyelidik berharap hasil dapatan dari kajian dapat membantu menerangkan tahap pengetahuan pedagogi pelajar tahun akhir (Perdana) berada pada tahap yang tinggi. Ini juga menunjukkan pelajar tahun akhir (Perdana) sudah bersedia untuk mengajar dan melaksanakan tugas mereka dengan penuh dedikasi berbekalkan pengetahuan yang mendalam dalam bidang pedagogi.

## **Rujukan**

- Abd. Rahim Abd. Rashid (1999). "Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah." Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distridutors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahman Hamdan (2007). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisis dan Interpretasi Data." Batu Caves, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Best, J.W. and James, V.K (1989), "Research In Education." Six Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Cruickshank, Donald R. (1995). "The Art of Teaching." New York: Mcgrow-Hill.
- Dr. Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim & Mohd Zohir Ahmad (2003). "Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan." Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1989). "Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1993). "Pedagogi II : Amalan Dalam Bilik Darjah." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1998). "Pedagogi III: Pengujian dan Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif (Semester IV)." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II. Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah (Semester II)." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faridah Karim (2000). "Strategizing Teaching and Learning of Economic Education in Secondary Schools: Some Considerations for The New Millenium strategizing Teaching and Learning In The 21st Century. Volume 1." Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia. 249-255.
- Farizal Yusoff (1997). "Faktor Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan Empat Sek. Men. Kebangsaan Kangkar Pulai, Johor Bahru, Johor Dalam Aktiviti Kokurikulum." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Hedderdoff, R. (1971). "Profesionalisme and Personality Type Among Student Teacher. Dalam Esah Sulaiman. Amalan Profesionalisme Perguruan." Skudai: Penerbit UTM.
- INTAN (1993). "Pengurusan Kualiti Menyeluruh Dalam Esah sulaiman. Amalan Profesionalisme Perguruan." Skudai: Penerbit UTM.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarudin Husin (1997). “ Psikologi Bilik Darjah Asas Pedagogi.” Kuala Lumpur: Utusan publicationsnd Distributor Sdn. Bhd.

Low Ai Non (1996). “ Hubungan Antara Minat, Galakan Ibu Bapa Dan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Matematik Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Pontian, Johor.” Skudai: Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Mohd Majid Konting (2004). “ Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). “ Penyelidikan Pendidikan.” Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Norlaila Bulat (2006). “ Tahap Kesiediaan Kemahiran dan Pengetahuan Pedagogi Guru-Guru PKPG KH Dalam Pengajaran dan Pembelajaran KH.” Skudai: Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.